

# Firma telekomunikasi perlu rebut peluang

BH 18 MAY 1994

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, meminta syarikat telekomunikasi tempatan menyertai secara meluas di peringkat antarabangsa jika ingin bersama mendapat keuntungan daripada kemajuan rangkaian telekomunikasi menerusi satelit.

Tanpa penyertaan mereka, kata Perdana Menteri, konsep kampung sejagat dan dunia tanpa sempadan kesan kemampuan rangkaian telekomunikasi menerusi satelit, hanya akan dimonopoli oleh negara maju dan memberi pelbagai kesan kepada negara.

Sehubungan itu, beliau meminta pengeluar peralatan serta pembekal urusan khidmat telekomunikasi tempatan bergerak lebih agresif mencari peluang

pasaran dan perniagaan baru di seberang laut.

"Pasarannya peralatan telekomunikasi sedunia adalah lumayan tetapi malangnya hanya beberapa syarikat telekomunikasi berpandangan jauh untuk mencari pasaran baru di luar negara," katanya ketika berucap melancarkan Dasar Telekomunikasi Negara (DTN), di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata, jika pengusaha tempatan tidak merebut peluang itu, negara bukan saja tidak akan mendapat hasil dan pendapatan daripada peningkatan jumlah dan mudahnya trafik telekomunikasi antarabangsa, malah dibanjiri maklumat dan hiburan yang boleh merosakkan budaya bangsa.

"Jika kita tidak berhati-hati dan bersedia mengambil bahagian dan melabur

dalam industri ini, ia akan dimonopoli oleh syarikat gergasi negara maju.

"Justeru itu, kita harus melabur dan membabitkan diri dalam proses globalisasi ini dan menguasai teknologi dan pasaran antarabangsa bersama," katanya.

Konsep kampung sejagat menganjurkan dunia tanpa sempadan yang memberi gambaran kemampuan rangkaian telekomunikasi melalui satelit dan hubungan kabel yang dapat memindah suara, data dan imej dengan pantas serta cekap tanpa menghirau sekatan sempadan.

Perdana Menteri berkata, salah satu kesan positif daripada proses globalisasi itu ialah penyertaan negara dalam perdagangan antarabangsa untuk peralatan komunikasi.

Pada 1991, katanya, nilai eksport sedunia untuk peralatan telekomunikasi mencapai AS\$64 bilion (RM172.8 bilion). Sebahagian besar pasaran dikuasai oleh Eropah dan Jepun.

Dr Mahathir berkata, untuk terus berjaya dalam sektor telekomunikasi, pengusaha perlu mempunyai wawasan strategik dan perikatan dengan pihak lain dalam pasaran antarabangsa.

Menurutnya, Malaysia perlu berusaha untuk menjadi pusat telekomunikasi serantau dan antarabangsa di Asia Tenggara.

Sehubungan itu, beliau berharap pelancaran Satelit Asia Timur Malaysia (Measat) pada 1995 menjadi langkah pertama bagi membolehkan negara menawarkan perkhidmatan telekomunikasi satelit.